

D.R. 16/98

Naskhah Sahih -Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA
KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
MALAYSIA 1998**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas.
2. Mula berkuat kuasa.
3. Tafsiran.

BAHAGIAN II

SURUHANJAYA

4. Penubuhan Suruhanjaya.
5. Meterai biasa.
6. Keanggotaan Suruhanjaya.
7. Jadual.
8. Akuan berkanun oleh anggota Suruhanjaya.
9. Kelulusan untuk memegang jawatan lain.
10. Tempoh jawatan.
11. Saraan dan elaun.
12. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan.
13. Pengosongan jawatan.
14. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi.
15. Jawatankuasa.

Rang Undang-Undang

BAHAGIAN III

KUASA DAN FUNGSI SURUHANJAYA

Fasal

16. Kuasa dan fungsi Suruhanjaya.
17. Pewakilan kuasa.
18. Arahan Menteri.
19. Penyata, laporan, akaun dan maklumat.

BAHAGIAN IV

PEKERJA SURUHANJAYA

20. Pengurus hendaklah menjadi ketua eksekutif.
21. Penjalanan sementara fungsi ketua eksekutif.
22. Pelantikan pekerja.
23. Syarat-syarat perkhidmatan.
24. Pinjaman dan wang pendahuluan.
25. Pembayaran faedah persaraan, dsb.
26. Tatatertib.
27. Jawatankuasa tatatertib.
28. Peraturan-peraturan tatatertib.
29. Lembaga Rayuan Tatatertib.
30. Penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam.
31. Pengenaan surc妖.
32. Notis tunjuk sebab sebelum disurc妖.
33. Amaun surc妖.
34. Pemberitahuan surc妖.
35. Penarikbalikan surc妖.
36. Mendapatkan surc妖.
37. Suruhanjaya boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

38. Kumpulan Wang.
39. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang.
40. Pemeliharaan Kumpulan Wang.
41. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.
42. Akaun bank.
43. Kuasa untuk meminjam.
44. Pelaburan.
45. Sekatan ke atas kontrak.
46. Tahun kewangan.
47. Akaun.
48. Ketakpakaian Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

BAHAGIAN VI

AM

49. Pelantikan dan kuasa pegawai penyiasat.
50. Pekhidmat awam.
51. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
52. Kewajipan kerahsiaan.
53. Pewakilan dalam prosiding sivil.
54. Kuasa untuk mengambil kerja.
55. Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat.

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang mempunyai kuasa untuk menyelia dan mengawal aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia di Malaysia, dan menguatkuasakan undang-undang komunikasi dan multimedia Malaysia, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan
nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat
yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa
daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Tajuk Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998. Tajuk nngkas.
2. Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Mula berkuat kuasa.
3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya *Tafsiran*, menghendaki makna yang lain—
 - "anggota" ertiya Pengerusi dan anggota Suruhanjaya yang lain yang dilantik di bawah seksyen 6;
 - "jawatankuasa" ertiya jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 15;

"Kumpulan Wang" ertinya Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 38;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi komunikasi dan multimedia;

"pekerja" termasuklah pegawai penyiasat yang dilantik di bawah seksyen 49;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Suruhanjaya yang dilantik di bawah perenggan 6(a);

"Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

Akta "undang-undang komunikasi dan multimedia" ertinya Akta ini dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah undang-undang itu, dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang di bawahnya Suruhanjaya dikehendaki menjalankan apa-apa fungsi.

BAHAGIAN II

SURUHANJAYA

Penubuhan Suruhanjaya. 4. (1) Maka inilah ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia".

(2) Suruhanjaya adalah kekal turun-temurun.

(3) Suruhanjaya boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, dan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut, Suruhanjaya boleh—

(a) membuat kontrak; dan

(b) berkenaan dengan apa-apa jenis harta alih dan harta tak aliih dan kepentingan mengenai harta alih dan harta tak alih—

- (i) memperoleh, membeli dan mengambil harta dan kepentingan itu; dan
- (ii) memegang, menikmati, memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan, atau dengan apa-apa cara lain melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai, harta dan kepentingan itu yang terletak hak pada Lembaga.

5. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai suatu meterai Meterai biasa yang mengandungi suatu tanda yang diluluskan biasa oleh Suruhanjaya.

(2) Meterai biasa itu boleh, dari semasa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(3) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Suruhanjaya, suatu cap yang mengandungi perkataan "Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia" bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa Suruhanjaya.

(4) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau seorang pekerja yang diberi kuasa.

(5) Meteri biasa itu hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau seorang pekerja yang diberi kuasa.

(6) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeterai dengan meterai biasa itu dan yang disahkan sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (5) hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(7) Apa-apa surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeterai, boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh seorang anggota Suruhanjaya atau pekerja yang diberi kuasa bagi pihak Suruhanjaya.

(8) Meterai biasa Suruhanjaya hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Keanggotaan suruhanjaya. 6. Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang anggota yang mewakili Kerajaan; dan
- (c) tidak-kurang daripada dua orang tetapi tidak lebih daripada tiga orang anggota lain.

jadual. 7 (1) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi anggota Suruhanjaya.

(2) Menteri boleh meminda peruntukan Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Akuan berkanun oleh anggota Suruhanjaya. 8. (1) Tiada seorangpun boleh dilantik sebagai anggota Suruhanjaya itu membuat suatu akuan berkanun sama ada dia mempunyai apa-apa kepentingan, dari segi kewangan atau selainnya, dalam apa-apa aku janji yang melibatkan aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia.

(2) Jika seorang anggota Suruhanjaya memperoleh apa-apa kepentingan, dari segi kewangan atau selainnya, dalam apa-apa aku janji yang melibatkan aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia dia hendaklah, dalam masa satu bulan selepas pemerolehan itu, memberikan notis secara bertulis kepada Menteri yang menyatakan kepentingan yang diperoleh itu, dan Menteri boleh, selepas menimbangkan perkara itu, jika difikirkannya patut, mengisyiharkan bahawa orang itu telah mengosongkan jawatannya.

9. Pengerusi tidak boleh, semasa memegang jawatan itu, ^{Kelulusan untuk memegang jawatan lain.} memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan lain, sama ada yang dibayar saraan atau tidak, tanpa kelulusan Menteri secara bertulis.^{jawatan lain}

10.(1) Anggota Suruhanjaya hendaklah setiap seorang dilantik bagi tempoh yang tidak kurang daripada dua tahun tetapi tidak lebih daripada lima tahun.

Tempoh Jawatan

(2) Anggota Suruhanjaya adalah layak dilantik semula tetapi tiada seorang pun anggota boleh memegang jawatan untuk lebih daripada dua tempoh berturut-turut.

11. (1) Pengerusi hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elauan yang ditentukan oleh Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

saraandan elauan.

(2) Semua anggota Suruhanjaya yang lain hendaklah dibayar apa-apa elauan pada apa-apa kadar yang ditentukan oleh Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

12. (1) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Suruhanjaya tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

Pembatalan perlantikan dan perletakan jawatan

(2) Seseorang anggota Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

13. Jawatan seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah menjadi kosong—

pengosongan jawatan.

(a) jika dia mati;

(b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan rasuah; atau

- (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemerjaraan (sama ada pemerjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai seorang anggota Suruhanjaya atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Suruhanjaya;
- (d) jika dia menjadi bankrap;
- (e) jika dia tak sempurna akal atau selainnya tak berupaya menunaikan kewajipan-kewajipannya;
- (f) dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Suruhanjaya tanpa kebenaran Menteri;
- (g) dalam hal seorang anggota Suruhanjaya selain daripada Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Suruhanjaya tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi secara bertulis;
- (h) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri; atau
- (i) jika peletakanjawatannya diterima oleh Menteri.

Penjalanan
sementara
tugas
Pengerusi.

14. Menteri boleh melantik mana-mana anggota untuk bertindak sebagai Pengerusi—

- (a) semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi;
- (b) semasa apa-apa tempoh Pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; dan
- (c) semasa apa-apa tempoh Pengerusi, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan tugas jawatannya.

jawatankuasa.

15. (1) Suruhanjaya boleh menuahkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk membantunya melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah undang-undang komunikasi dan multimedia.

- (2) Suruhanjaya boleh melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengurus suatu jawatankuasa.
- (3) Suruhanjaya boleh melantik mana-mana orang ke dalam jawatankuasa.
- (4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.
- (5) Suruhanjaya boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.
- (6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengurus jawatankuasa.
- (7) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.
- (8) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.
- (9) Sesuatu jawatankuasa adalah tertakluk kepada, dan hendaklah bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Suruhanjaya.
- (10) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengurus jawatankuasa.
- (11) Sesuatujawatankuasa hendaklah menyebabkan—
 - (a) minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
 - (b) salinan minit kesemua mesyuaratnya dikemukakan kepada Suruhanjaya dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(12) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuaratnya bagi maksud menasihatiinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkannya tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

(13) Anggota-anggota jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (12) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya selepas berunding dengan Menteri.

BAHAGIAN III

KUASA DAN FUNGSI SURUHANJAYA

- | | |
|---------------------------------|--|
| Kuasa dan fungsi
Suruhanjaya | <p>16. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala fungsi yang dipertanggungkan ke atasnya dibawah undang-undang komunikasi dan multimedia, tanpa menjejaskan keluasan yang disebut terdahulu, Suruhanjaya hendaklah juga mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) menasihati Menteri tentang perkara-perkara berkenaan dengan objektif dasar kebangsaan bagi aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia; (b) melaksanakan dan menguakuasakan peruntukan-peruntukan undang-undang komunikasi dan multimedia; (c) mengawal selia segala perkara berhubungan dengan aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia yang tidak diperuntukkan dalam undang-undang komunikasi dan multimedia; (d) menimbulangkan dan mengesyorkan reformasi-reformasi kepada undang-undang komunikasi dan multimedia; (e) mengawasi dan memantau aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia; (f) menggalakkan dan meningkatkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia termasuk dalam bidang penyelidikan dan latihan; |
|---------------------------------|--|

- (g) menggalakkan dan meningkatkan pengawalan sendiri dalam industri komunikasi dan multimedia;
- (h) memupuk dan mengekalkan kewibawaan semua orang yang dilesenkan atau selainnya diberi kuasa di bawah undang-undang komunikasi dan multimedia;
- (i) memberikan bantuan dalam apa-apa bentuk kepada, dan untuk menggalakkan kerjasama dan penyelarasan di kalangan, orang yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia; dan
- (j) menjalankan apa-apa fungsi di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(2) Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berkaitan dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah undang-undang komunikasi dan multimedia.

17. (1) Suruhanjaya boleh, secara bertulis, mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya yang dipertanggungkan^{kuasa} atau diberikan kepadanya oleh undang-undang komunikasi dan multimedia, kecuali kuasa untuk membuat perundungan subsidiari, kepada—

Perwakilan

- (a) Pengerusi;
- (b) seorang anggota Suruhanjaya;
- (c) suatu jawatankuasa; dan
- (d) ketua eksekutif Suruhanjaya.

(2) Mana-mana orang yang diwakilkan dengan fungsi atau kuasa sedemikian adalah terikat untuk memenuhi dan mematuhi segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Suruhanjaya dan segala keperluan, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Apa-apa fungsi dan kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Suruhanjaya.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Suruhanjaya daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Arahan
Menteri

18. (1) Suruhanjaya hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberikan kepada Suruhanjaya arahan-arahan yang bersifat am yang tidak tak selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta ini berhubungan dengan pelaksanaan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Suruhanjaya dan Suruhanjaya hendaklah melaksanakan arahan-arahan itu.

Penyata,
akaun dan
maklumat.

19. (1) Suruhanjaya hendaklah memberikan kepada Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat mengenai aktiviti-

(2) Penyata-penyata, laporan-laporan, akaun-akaun dan dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri, dari semasa ke semasa.

(2) Penyata-penyata, laporan-laporan, akaun-akaun dan maklumat-maklumat itu hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat berhubungan dengan perjalanan dan dasar Suruhanjaya dan apa-apa perkara lain yang ditentukan oleh Menteri, dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN IV

PEKERJA SURUHANJAYA

Pengerusi
hendaklah
menjadi
ketua
eksekutif.

20. (1) Tanpa menjaskan peruntukan lain dalam Akta ini, Pengerusi hendaklah menjadi Ketua Eksekutif Suruhanjaya.

(2) Suruhanjaya hendaklah meletakhakkan kepada ketua eksekutif apa-apa kuasa dan mempertanggungkan ke atasnya apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Ketua eksekutif adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran Suruhanjaya pada keseluruhannya dan pengurusan fungsi-fungsi dan hal ehwal hari ke hari Suruhanjaya.

(4) Ketua eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja-pekerja Suruhanjaya.

(5) Ketua eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Menteri dan Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

(6) Dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya, ketua eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan mengikut arahan am Suruhanjaya.

21. (1) Menteri boleh melantik mana-mana pegawai Suruhanjaya untuk bertindak sebagai ketua eksekutif—

Perjalanan
sementara
fungsi ketua eksekutif

- a) semasa apa-apa tempoh kekosongan jawatan Pengerusi;
- (b) semasa apa-apa tempoh Pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia, dan
- (c) semasa apa-apa tempoh Pengerusi, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan tugas sebagai ketua eksekutif.

22. Suruhanjaya boleh melantik apa-apa bilangan pekerja yang difikirkannya wajardan perludan atas apa-apaterma yang pada pendapatnya adalah sesuai bagi menjalankan maksud-maksud undang-undang komunikasi dan multimedia.

Pelantikan
pekerja

23. Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerjanya.

Syarat-syarat
perkhidmatan.

pinjaman dan wang pendahuluan kepada pekerja-pekerjanya bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa terma yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Pembayaran persaraan dsb. tanggungan mereka apa-apa faedah persaraan, gratuity dana laun lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya. dan elau n lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Tatatertib 26. Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pekerjanya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang sedemikian.

Jawatankuasa tatatertib 27. (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori berlainan pekerja-pekerjanya.

(2) Yang berikut hendaklah terpakai bagi sesuatu jawatankuasa tatatertib:

(a) sesuatu jawatankuasa tatatertib hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan anggota Suruhanjaya selain Pengurus atau pekerja Suruhanjaya atau apa-apa kombinasi anggota dan pekerja itu; dan

(b) seseorang pekerja yang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa tatatertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada seseorang pekerja yang ke atasnya jawatankuasa tatatertib yang dia menjadi anggota mempunyai kuasa tatatertib.

(3) Sesuatu jawatankuasa tatatertib hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara yang berhubungan dengan tatatertib pekerja yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(4) Pada menjalankan fungsi dan kuasa tatatertibnya, sesuatu jawatankuasa tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan apa-

apa hukuman tatatertib atau apa-apa kombinasi dua hukuman tatatertib atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen 28.

28. (1) Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukanbagitatertibpekerja-pekerja janya.

Peraturan-
peraturan
tatatertib

(2) Peraturan-peraturan tatatertib yang dibuat di bawah seksyen ini—

- (a) boleh mewujudkan kesalahan tatatertib;
- (b) boleh mengadakan peruntukan bagi hukuman tatatertib yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya dan hukuman itu boleh meliputi—
 - (i) amaran;
 - (ii) denda;
 - (iii) pelucuthakan emolumen;
 - (iv) penangguhan pergerakan gaji;
 - (v) pengurangan gaji;
 - (vi) penurunan pangkat; dan
 - (vii) buang kerja;
- (c) hendaklah memberikan kepada pekerja yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil peluang untuk membuat representasi terhadap pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tatatertib kecuali dalam hal-hal yang berikut:
 - (i) jika seseorang pekerja dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan salah laku yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
 - (ii) jika Suruhanjaya, atas syor Menteri yang dipertanggungkan dengan hal ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi

kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau

(iii) jika telah—

- (A) dibuat terhadap seseorang pekerja apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau pengusiran; atau
- (B) dikenakan terhadap seseorang pekerja apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya,

di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis;

- (d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen seseorang pekerja semasa menanti selesainya prosiding jenayah atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat; dan
- (e) boleh mengadakan peruntukan bagi pengantungan tanpa emolumen seseorang pekerja—
 - (i) jika pekerja itu telah disabitkan oleh suatu mahkamah jenayah; atau
 - (ii) jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dikenakan ke atas pekerja itu; dan
- (f) boleh mengadakan peruntukan bagi tatacara pendengaran rayuan oleh Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen 29.

29. (1) Sesuatu keputusanjawatankuasa tatatertib bolehlah Lembaga dirayu kepadaLembaga Rayuan Tatatertib yang hendaklah Rayuan terdiridaripadaanggotayangberikut:^{Tatatertib}

- (a) Pengerusi Suruhanjaya, yang hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dan mempunyai undi pemutus; dan
- (b) dua orang anggota Suruhanjaya, yang bukannya anggota jawatankuasa tatatertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib dengan kelulusan Suruhanjaya bagi maksud rayuan itu.

(2) Apabila Lembaga Rayuan Tatatertib menimbangkan sesuatu rayuan, anggota jawatankuasa tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding berhubungan dengan rayuan itu.

(3) Lembaga Rayuan Tatatertib boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tatatertib.

30. (1) Jika Suruhanjaya mendapati atau jikarepresentasi dibuat kepada Suruhanjaya bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pekerja ditamatkan demi kepentingan awam, maka Suruhanjaya bolehlah meminta daripada pegawai atasan pekerja itu suatu laporan lengkap yang mengandungi butir-butir berhubungan dengan kerja dan tatakelakuan pekerja itu.

(2) Jika, setelah menimbangkan laporan yang diterima di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya berpuas hati bahawa dengan mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kebergunaan pekerja itu, kerja dan tatakelakuan pekerja itu dan segala hal keadaan lain kes itu, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Suruhanjaya boleh menamatkan perkhidmatan pekerja itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Suruhanjaya.

(3) Adalah sah di sisi undang-undang bagi jawatankuasa tata tertib yang berkenaan untuk mengesyorkan kepada Suruhanjaya supaya perkhidmatan seseorang pekerja ditamatkan demi kepentingan awam, walaupun prosiding tata tertib belum dijalankan di bawah Akta ini, dan Suruhanjaya boleh dengan demikian menamatkan perkhidmatan pekerja itu.

(4) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini dan mana-mana undang-undang lain yang berlawanan, dalam menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja demi kepentingan awam di bawah seksyen ini, pekerja itu boleh tidak diberikan peluang untuk didengar dan seseorang pekerja yang perkhidmatannya telah ditamatkan demi kepentingan awam di bawah seksyen ini tidak boleh dianggap telah dibuang kerja, tanpa mengira sama ada penamatkan perkhidmatan pekerja itu melibatkan suatu elemen hukuman atau berkaitan dengan tatakelakuan berhubungan dengan jawatannya yang dianggap oleh Suruhanjaya tak memuaskan atau patut disalahkan.

Pengenaan
surcaj.

31. (1) Seseorang yang sedang atau pernah bekerja dengan Suruhanjaya boleh disurcaj jika ternyata kepada Suruhanjaya bahawa orang itu—

- (a) tidak memungut apa-apa wang yang ter hutang kepada Suruhanjaya yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Suruhanjaya yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau pernah bertanggungjawab, secara langsung atau tak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang simpanan atau harta lain Suruhanjaya;
- (d) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada Suruhanjaya kepada mana-mana orang yang

kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang, atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Suruhanjaya; atau

- (e) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya.

(2) Dalam seksyen ini, "pegawai perakaunan" termasuklah seseorang pekerja dipertanggungkan dengan—

- (a) kewajipan untuk memungut, menerima atau menerangkan perbelanjaan, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau menerangkan perbelanjaan apa-apa wang Suruhanjaya;
- (b) kewajipan untuk membuat pembayaran, atau yang sebenarnya membuat pembayaran, daripada apa-apa wang Suruhanjaya; atau
- (c) kewajipan untuk menerima, menyimpan, melupuskan atau memberikan penjelasan tentang apa-apa barang simpanan dan harta Suruhanjaya, atau yang sebenarnya menerima, memegang, melupuskan atau memberikan penjelasan tentang barang simpanan dan harta itu.

32. Suruhanjaya hendaklah, sebelum seseorang disurcaj, Notisunjurk menyampaikan kepadanya suatu notis bertulis yang sebab memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut sebelum disurcaj.

33. Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh notis disampaikan kepada seseorang di bawah seksyen 32, Suruhanjaya boleh— Amaun surcaj

- (a) dalarn hal mana-mana perbuatan atau peninggalan yang disebut dalam perenggan 31(1)(a), (b) dan (c), mensurcaj terhadap orang itu wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau nilai yang terkurang dalam harta itu atau nilai harta yang termusnah itu; dan

- (b) dalam hal mana-rnana perbuatan atau peninggalan yang disebut dalam perenggan 31(l)(d) dan (e), mensurcaj terhadap orang itu apa-apa jumlah wang yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

Pemberitahuan surcaj. **34.** Suruhanjaya hendaklah memberitahu orang yang disurcaj berkenaan dengan apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 33.

Penarikbalikan surcaj. **35.** Walau apa pun seksyen 33 dan 34, Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Suruhanjaya hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaj itu tentang penarikbalikan itu.

Mendapatkan surcaj. **36.** Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 33 dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 35 hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Suruhanjaya daripada orang yang disurcaj dan boleh didakwa dan didapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Suruhanjaya dan boleh juga, jika diarahkan oleh Suruhanjaya, didapatkan melalui potongan—

- (a) gaji orang yang disurcaj; atau
- (b) penceن orang yang disurcaj,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau penceن bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

Suruhanjaya boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb. **37.** Dalam membuat apa-apa peraturan di bawah Bahagian ini, Suruhanjaya boleh, dengan kelulusan Menteri, menerima pakai dengan membuat apa-apa ubahsuaian yang difikirkannya patut mana-mana peraturan, kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

BAHAGIAN V

KEWANGAN

38. (1) Maka dengan ini tertubuhlah suatu Kumpulan Wang yang hendaklah dikenali sebagai "Kumpulan Wang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia" yang hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Suruhanjaya.

- (2) Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada—
- (a) wang yang dipindahkan dari Kumpulan Wang Telekomunikasi yang ditubuhkan di bawah Akta Telekomunikasi 1950, yang dibubarkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998; *Akta 20.* *Akta*
 - (b) wang yang diperuntukkan oleh Parlimen, dari semasa ke semasa, bagi maksud-maksud undang-undang komunikasi dan multimedia;
 - (c) semua atau mana-mana bahagian fi lesen, caj pentadbiran, levi atau caj lain yang dikenakan oleh atau yang kena dibayar kepada Suruhanjaya di bawah undang-undang komunikasi dan multimedia;
 - (d) semua wang yang merupakan pendapatan yang didapatkan daripada pelaburan yang dibuat oleh Suruhanjaya;
 - (e) wang yang didapatkan daripada penjualan, pelupusan, penyewaan atau penyewagunaan, atau apa-apa urusan lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau yang diperoleh oleh Suruhanjaya;
 - (f) wang yang didapatkan daripada perkhidmatan perundingan dan nasihat dan apa-apa perkhidmatan lain yang diberikan oleh Suruhanjaya;
 - (g) semua wang dan harta lain yang boleh dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya;

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggung-kan pada Kumpulan Wang.

(h) wang yang dipinjam oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 43; dan

(i) semua wang lain yang diterima secara sah oleh Suruhanjaya, termasuklah bunga.

39. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Suruhanjaya;
- (b) membayar saraan, elaun dan perbelanjaan lain anggota-anggota Suruhanjaya, anggota-anggota jawatankuasa, pekerja-pekerja Suruhanjaya, termasuklah pinjaman dan wang pendahuluan, elaun persaraan, faedah pesaraan, pence dan gratuiti;
- (c) membayar apa-apa bayaran, kos atau perbelanjaan berhubungan dengan perolehan barang-barang atau perkhidmatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggajian pakar runding, fi dan kos guaman dan fi serta kos lain, yang dilakukan atau disetuju terima dengan sepatutnya oleh Suruhanjaya pada melaksanakan fungsi-fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya di bawah undang-undang komunikasi dan multimedia;
- (d) membeli atau menyewa peralatan, jentera dan apa-apa benda lain, mendapatkan tanah dan apa-apa aset, dan membina bangunan-bangunan, dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain pada melaksanakan fungsi-fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya di bawah undang-undang komunikasi dan multimedia;
- (e) membayar balik wang yang dipinjam di bawah seksyen 43 dan bunga yang kena dibayar atasnya;
- (f) memberikan pinjaman dan wang pendahuluan kepada pekerja-pekerjanya di bawah seksyen 24; dan
- (g) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan undang-undang komunikasi dan multimedia.

- 40.** Maka adalah menjadi kewajipan Suruhanjaya untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsi-fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Suruhanjaya adalah mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuklah susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.
- 41.** (1) Perbelanjaan Suruhanjaya setakat amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.
- (2) Sebelum 1 September setiap tahun, Suruhanjaya hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasuklah perbelanjaan bagi program penyelidikan dan pembangunan) bagi tahun berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.
- (3) Menteri hendaklah, sebelum 1 Januari tahun yang berikutnya, memberitahu Suruhanjaya amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan berdasarkan anggaran yang disediakan di bawah subseksyen (2).
- (4) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran perbelanjaan tambahan itu.
42. Suruhanjaya hendaklah membuka dan menyenggara suatu akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank atau bank-bank di Malaysia yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya, selepas berunding dengan Menteri; dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan seberapa yang boleh dilaksanakan melalui cek yang ditandatangani oleh mana-mana orang atau orang-orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya, dari semasa ke semasa.
- Pemeliharaan
Kumpulan
Wang.
- Perbelanjaan
dati
penyediaan
anggaran.
- Akaun bank.

Kuasa untuk
meminjam.

43. Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, meminjam dalam apa-apa bentuk dan pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya, sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan, apa-apa wang yang diperlukan oleh Suruhanjaya bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi melaksanakan mana-mana kewajipannya.

Pelaburan.

44. Wang Suruhanjaya hendaklah, setakat yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan dengan segera oleh Suruhanjaya di bawah Akta ini, dilaburkan dengan apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Sekatan ke
atas kontrak.

45. Suruhanjaya tidak boleh, tanpa kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, membuat apa-apa kontrak yang di bawahnya Suruhanjaya kena membayar atau akan menerima suatu amaun yang melebihi lima juta ringgit.

Tahun
kewangan.

46. Tahun kewangan Suruhanjaya hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Akaun.

47. (1) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan disimpan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan hendaklah, dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan disediakan bagi tahun kewangan itu suatu penyata akaun Suruhanjaya yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan.

(2) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan penyata akaun itu diaudit oleh juruaudit-juruaudit bebas yang dilantik oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya hendaklah dengan secepat yang dapat menghantar suatu salinan penyata akaun itu yang diperakui oleh juruaudit dan suatu salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen, bersekali dengan laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Suruhanjaya bagi tahun kewangan sebelumnya.

48. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 tidak terpakai bagi Suruhanjaya.

Ketakpakaian
Akta Badan
Berkunun
(Akaun dan
Laporan
Tahunan)
1980.
Akta 240.

BAHAGIAN VI

AM

49. (1) Suruhanjaya boleh melantik apa-apa bilangan pegawai penyiasat yang difikirkannya perlu untuk menjalankan kuasa di bawah undang-undang komunikasi dan multimedia.

Pelantikan
dan kuasa
pegawai
penyiasat.

(2) Seseorang pegawai penyiasat hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan pemeriksaan, dan penyiasatan tentang apa-apa kesalahan, di bawah undang-undang komunikasi dan multimedia.

50. Pengerusi, anggota Suruhanjaya dan mana-mana jawatankuasa, dan pekerja dan ejen Suruhanjaya, semasa menunaikan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagai Pengerusi, anggota, pekerja atau ejen sedemikian, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Kesekeaan.

Pekhidmat
awam.

Akta 574.

51. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Suruhanjaya atau terhadap Pengerusi, mana-mana anggota Suruhanjaya, mana-mana anggota jawatankuasa, dan pekerja atau ejen Suruhanjaya berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

Akta
Perlindungan
Pihak
Berkusa
Awam 1948.
Akta 198.

52. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Suruhanjaya—

Kewajipan
kerahsiaan.

(a) tiada seorangpun anggota Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasanya atau mana-mana pekerja

atau ejen Suruhanjaya atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Suruhanjaya atau mana-mana jawatankuasanya, sama ada semasa tempoh memegang jawatan atau semasa tempoh pekerjaannya atau selepas itu, boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang didapati olehnya semasa menjalankan tugasnya; dan

- (b) tiada seorangpun orang lain yang, melalui apa-apa cara, mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen berkaitan hal ehwal Suruhanjaya boleh mendedahkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya.

Pewakilan dalam prosiding sivil.

53. Walau apa pun peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

- (a) dalam apa-apa prosiding sivil oleh atau terhadap Suruhanjaya; atau
- (b) dalam apa-apa prosiding sivil yang lain yang Suruhanjaya dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau untuk didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Suruhanjaya bagi maksud itu boleh, bagi pihak Suruhanjaya, memulakan prosiding itu atau hadir untuknya dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan segala perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Suruhanjaya.

Kuasa untuk mengambil kerja.

54. Suruhanjaya boleh mengambil kerja dan membayar ejen dan penasihat teknikal, termasuklah peguambela dan peguamcara, ahli bank, pakar runding dan orang lain, untuk membuat apa-apa urusan atau untuk melakukan

apa-apa perbuatan yang dikehendaki supaya dibuat atau dilakukan pada melaksanakan fungsi-fungsinya, menjalankan kuasa-kuasanya atau bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini dengan lebih baik.

55. Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Suruhanjaya sebagai persediaan dan ke arah pelaksanaan yang sepatutnya mana-mana peruntukan Akta ini, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya, pada menjangkakan pembuatan Akta ini hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Akta ini, dan segala hak yang diperoleh atau obligasi yang ditanggung bagi pihak Suruhanjaya daripada apa-apa jua yang dilakukan sedemikian hendaklah apabila Akta ini mula berkuat kuasa disifatkan sebagai hak dan obligasi Suruhanjaya.

Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat.

JADUAL

(Seksyen 7)

1. (1) Suruhanjaya hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsi-fungsinya dengan berkesan dan mesyuarat-mesyuarat itu hendaklah diadakan di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang ditentukan oleh Pengerusi, dengan syarat Pengerusi tidak boleh membenarkan lebih daripada dua bulan berlalu di antara mesyuarat-mesyuarat.

Masa dan tempat mesyuarat.

(2) Pengerusi hendaklah mengadakan mesyuarat jika diminta berbuat demikian secara bertulis oleh Menteri atau oleh sekurang-kurangnya dua orang anggota Suruhanjaya.

2. Pengerusi dan dua orang anggota lain Suruhanjaya hendaklah membentuk suatu kuorum pada mana-mana mesyuarat Suruhanjaya.

Kuorum.

3. Jika mengenai apa-apa soal yang hendak diputuskan oleh Suruhanjaya terdapat bilangan undi yang sama banyak, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

Undi pemulus.

4. (1) Suruhanjaya boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Suruhanjaya bagi maksud menasihatiya tentang apa-apa perkara yang dibincangkannya, tetapi orang yang diundang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

Suruhanjaya boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Keretapan tanpa
bermesyuarat.

5. (1) Sesuatu ketetapan dianggap telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat Suruhanjaya jika—

(a) semua anggota Suruhanjaya telah diberitahu tentang ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memberitahu semua anggota Suruhanjaya tentang ketetapan yang dicadangkan itu; dan

(b) tanpa bermesyuarat, majoriti anggota Suruhanjaya menandakan persetujuan ke atas ketetapan itu mengikut cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam subperenggan (2).

(2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Suruhanjaya—

(a) memutuskan bahawa subseksyen (1) terpakai; dan

(b) memutuskan cara yang melaluinya anggota Suruhanjaya boleh menandakan persetujuan ke atas ketetapan-ketetapan.

Minit.

6. (1) Suruhanjaya hendaklah menyebabkan minit kesemua mesyuarat Suruhanjaya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Suruhanjaya, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah diterima sebagai keterangan *prima facie* dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Suruhanjaya yang minit mengenainya telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Tatacara.

7. Suruhanjaya boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

Penzahiran
kepentingan.

8. (1) Seseorang anggota Suruhanjaya yang, secara langsung atau tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya, suatu kepentingan dalam suatu perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Suruhanjaya hendaklah dengan seberapa cepat yang dapat selepas fakta yang berkaitan sampai kepada pengetahuannya, menzahirkan kepada Suruhanjaya hakikat dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Suruhanjaya dan, selepas penzahiran itu, melainkan jika dibenarkan oleh Pengerusi—

(a) anggota itu tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam perbincangan atau keputusan Suruhanjaya tentang perkara itu; atau

(b) anggota itu tidak boleh dikira bagi maksud membentuk suatu kuorum Suruhanjaya berkaitan perkara itu.

9. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

Kesahan
perbuatan dan
prosiding.

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Suruhanjaya;
- (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 8 oleh mana-mana anggota Suruhanjaya; atau
- (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau luar aturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

10. Anggota-anggota Suruhanjaya hendaklah menumpukan masa kepada urusan Suruhanjaya sebanyak yang perlu untuk menunaikan kewajipan mereka dengan berkesan.

Anggota
hendaklah
menumpukan
masa kepada
urusan
Suruhanjaya.

HURAIAN

Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia J 998 ("Akta") yang dicadangkan ini bertujuan menujuhkan suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia" ("Suruhanjaya") yang mempunyai kuasa untuk menyelia dan mengawal aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia di Malaysia termasuklah menguatkuasakan undang-undang tertentu berhubungan dengan komunikasi dan multimedia.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I memperkatakan perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* bertujuan mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas Akta.
4. *Fasal 2* bertujuan memberikan Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Akta.
5. *Fasal 3* mengandungi takrif beberapa istilah tertentu yang digunakan dalam Akta.

BAHAGIAN II

6. Bahagian II mengandungi peruntukan berhubungan dengan penubuhan Suruhanjaya.
7. *Fasal 4* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya.
8. *Fasal 5* bertujuan membenarkan Suruhanjaya mempunyai meterai biasa.

9. *Fasal 6* mengandungi peruntukan tentang keanggotaan Suruhanjaya.
10. Jadual yang ditetapkan dalam *fasal 7* terpakai bagi Suruhanjaya.
11. *Fasal 8* bertujuan menghendaki anggota Suruhanjaya membuat perakuan berkanun tentang kepentingannya dalam apa-apa pengusahaan yang melibatkan aktiviti-aktiviti komunikasi dan multimedia.
12. *Fasal 9* menghendaki Pengerusi Suruhanjaya mendapatkan kelulusan Menteri sebelum memegang apa-apa jawatan lain.
13. *Fasal 10* memperkatakan tempohjawatan anggota Suruhanjaya.
14. *Fasal 11* bertujuan mengadakan peruntukan bagi pembayaran saraan dan elaun anggota Suruhanjaya.
15. *Fasal 12* adalah mengenai pembatalan pelantikan anggota-anggota Suruhanjaya dan peletakan jawatan mereka.
16. *Fasal 13* bertujuan menyatakan keadaan-keadaan di mana jawatan anggota Lembaga dikosongkan.
17. *Fasal 14* bertujuan membolehkan Menteri melantik mana-mana anggota Suruhanjaya untuk menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi ~~dan cara~~
~~menurut fasal 15~~, Suruhanjaya boleh menubuhkan jawatankuasa-
18. Di bawah *fasal 15*, Suruhanjaya boleh menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya.

BAHAGIAN III

19. Bahagian III memperkatakan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Suruhanjaya.
20. *Fasal 16* bertujuan menyatakan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Suruhanjaya manakala di bawah *Fasal 17* pula Suruhanjaya dibenarkan mewakilkan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi itu.
21. *Fasal 18* bertujuan memberikan Menteri kuasa untuk mengeluarkan arahan-arahan kepada Suruhanjaya.
22. *Fasal 19* meletakkan tanggungjawab ke atas Suruhanjaya untuk memberikan penyata-penyata, laporan-laporan, akaun-akaun dan maklumat tertentu.

BAHAGIAN IV

23. Bahagian IV memperkatakan pekerja-pekerja Suruhanjaya.

24. *Fasal 20* bertujuan menyatakan kewajipan Pengerusi yang juga merupakan ketua eksekutif Suruhanjaya manakala di bawah *fasal 21* Menteri boleh melantik mana-mana pegawai Suruhanjaya untuk menjalankan tugas-tugas Pengerusi sebagai ketua eksekutif secara sementara.
25. *Fasal 22* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pelantikan pekerja Suruhanjaya.
26. Suruhanjaya diberikan kuasa dalam *fasal 23* untuk membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerjanya dan dalam *fasal 24* untuk memberikan pinjaman dan wang pendahuluan kepada mereka dan dalam *fasal 25* untuk membuat pembayaran tertentu kepada mereka.
27. *Fasal 26* hingga *30* bertujuan mengawal selia tatatertib pekerja-pekerja Suruhanjaya.
28. *Fasal 31* hingga *36* adalah mengenai surcaj pekerja-pekerja dan bekas pekerja-pekerja Suruhanjaya.
29. *Fasal 37* bertujuan membenarkan Suruhanjaya menerima pakai peraturan-peraturan, dsb. yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

BAHAGIAN V

30. Bahagian V mengandungi peruntukan kewangan.
31. *Fasal 38* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai penubuhan "Kumpulan Wang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia" ("Kumpulan Wang").
32. *Fasal 39* memperkatakan perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan ke atas Kumpulan Wang.
33. *Fasal 40* meletakkan tanggungjawab ke atas Suruhanjaya untuk memelihara Kumpulan Wang.
34. Di bawah *fasal 41*, Suruhanjaya dikehendaki menyediakan anggaran perbelanjaan.
35. *Fasal 42* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai akaun bank Suruhanjaya.
36. *Fasal 43* bertujuan membolehkan Suruhanjaya meminjam wang.
37. *Fasal 44* bertujuan membenarkan Suruhanjaya melabur wang Suruhanjaya.

38. Dalam *fasal 45* Suruhanjaya dikehendaki mendapatkan kelulusan Menteri Kewangan sebelum membuat kontrak yang di bawahnya Suruhanjaya sama ada dikehendaki membayar atau akan menerima amaun yang melebihi lima juta ringgit.

39. *Fasal 46* menyatakan bahawa tahun kewangan bagi Suruhanjaya bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember.

40. *Fasal 47* menghendaki Suruhanjaya menyimpan akaun yang sewajarnya bagi Kumpulan Wang dan membentangkannya di Parlimen.

41. *Fasal 48* mengadakan peruntukan bagi ketakpakaian Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 bagi Suruhanjaya.

BAHAGIAN VI

42. Bahagian VI mengandungi peruntukan am.

43. *Fasal 49* mengadakan peruntukan mengenai pelantikan dan kuasa pegawai penyiasat.

44. Anggota-anggota Suruhanjaya, anggota-anggota jawatankuasa-jawatankuasa, pekerja-pekerja dan ejen-ejen Suruhanjaya adalah disifatkan sebagai pekhidmat awam dalam *fasal 50*.

45. *Fasal 51* bertujuan memberikan perlindungan yang diperuntukkan dalam Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 kepada apa-apa tindakan, guaman, prosiding atau pendakwaan terhadap anggota-anggota Suruhanjaya dan jawatankuasa-jawatankuasa, dan pekerja-pekerja dan ejen-ejen Suruhanjaya.

46. *Fasal 52* bertujuan memperkatakan kewajipan kerahsiaan.

47. *Fasal 53* bertujuan memperkatakan representasi dalam prosiding sivil.

48. *Fasal 54* bertujuan membolehkan Suruhanjaya mengambil kerja penasihat teknikal dan pakar runding yang lain.

49. *Fasal 55* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang dibuat pada menjangkakan Akta ini diperbuat.

50. Perkara-perkara lain yang tidak disebut secara khusus adalah kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan pada masa ini.

[PN. (U²) 2036.]